

**Malaysia Perlu Pelopori Tindakan Menyekat Serangan Israel Ke Atas Palestin -  
PCOM  
Bernama  
21 Ogos 2011**

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu pelopori usaha mengajak semua negara Islam mengambil tindakan lebih agresif dan pendirian lebih tegas terhadap serangan Israel yang berterusan ke atas Palestin, kata pengarah eksekutif Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM) Muslim Abu-Umar.

Muslim berkata Malaysia yang mempunyai ekonomi yang kukuh dan cukup dihormati oleh masyarakat antarabangsa, memiliki upaya menjadi pelopor.

"Malaysia telah banyak berjasa kepada rakyat Palestin, dan kami harap ini akan berterusan dan menjadi satu bentuk sokongan dasar luar yang lebih kukuh untuk rakyat Palestin," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa PCOM di sini Sabtu.

Muslim mengucapkan terima kasih kepada beberapa kumpulan dari Malaysia yang mengadakan beberapa majlis berbuka puasa untuk rakyat di Gaza.

Beliau berkata adalah penting bagi rakyat Malaysia yang telah melawat Palestin memperkongsikan dengan penduduk Malaysia yang lain kisah pengalaman mereka dan kehidupan warga Palestin.

Mengenai serangan Israel ke atas Palestin, Muslim berkata jika tidak ada negara Islam yang membuat bantahan keras terhadap pengeboman Israel, negara itu akan terus menjajah Palestin seperti yang berlaku semasa perang 2002, 2008-2009.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609391>